



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 31 BILANGAN 25

RABU 18 JUN, 1986.

رابعو 10 شوال 1406

PERCUMA

HAMPIR 51,000 JUNJUNG ZIARAH KE ISTANA

BANDAR SERI BEGAWAN.

Ribuan rakyat dan penduduk di negara ini berkesempatan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Istana Nurul Iman dan Duli Yang Teramat

Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, di Istana Nurul Izzah.

Juga berangkat dan seterusnya berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat dan penduduk di negara ini termasuklah Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, serta lain-lain kerabat Diraja.

Hampir 51,000 orang telah mengunjungi Istana Nurul Iman di Jalan Tutong dan Istana Nurul Izzah di Jerudong apabila istana-istana tersebut dibuka kepada orang ramai selama tiga hari mulai Hari Raya kedua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan menerima junjung ziarah dari orang ramai sempena Hari Raya Aidilfitri.

Peraduan slide berwarna

BANDAR SERI BEGAWAN. Syarikat Pemasaran Shell Brunei Sendirian Berhad kini menganjurkan satu peraduan gambar slide berwarna.

Peraduan tersebut terbuka kepada semua peminat seni foto yang tinggal di negara ini.

Borang-borang penyertaan ini sedang diedarkan dan boleh didapati dari Stesen Minyak Roxana dan di Pusat Penerangan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Seria. Borang-borang juga boleh di perolehi dari Pejabat Syarikat Pemasaran Shell Brunei di ibu negara.

Tarikh tutup menerima penyertaan ialah pada 1 Julai.

PETIKAN TITAH

“Kita percaya usaha-usaha penyebaran Dakwah Islam hanya akan dapat berjalan dengan teratur dan berkesan jika dijalankan berdasarkan ilmu pengetahuan yang sihat dan cara-cara yang sesuai dengan peredaran zaman dan keadaan masyarakat yang dihadapi.”

Dituturkan semasa Upacara Perasmian Pusat Dakwah Islamiah di Dewan Persidangan pusat tersebut pada 16 September 1985

Kelas Quran dan Muqaddam dibuka 20 Jun

BANDAR SERI BEGAWAN. Persatuan Pembaca-Pembaca Al-Quran Islam, Brunei (IQRA) memaklumkan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar kelas Al-Quran dan Muqaddam persatuan itu bahawa kelas Al-Quran dan Muqaddam akan mula diadakan pada hari Jumaat 20 Jun.

MANISNYA IMAN

“ALLAH telah menjanjikan bagi orang beriman laki-laki dan bagi orang beriman perempuan syurga-syurga yang mengalir daripada bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya dan beberapa tempat kediaman yang indah di Syurga ‘ADEN’. Keredaan daripada Allah adalah lebih besar. Itulah dia kemenangan yang besar.” — Makna ayat 72 Surah At-Taubah.

UCAPAN TAHNIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan kepada Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Queen Elizabeth II, yang jatuh pada 12 Jun 1986.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Presiden Republik Filipina Puan Corason C. Aquino, bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Filipina yang juga telah jatuh pada 12 Jun 1986.



18 JUN, 1986

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

BERDISIPLIN SERTA TABAH BAGI PEMBANGUNAN NEGARA

BILA menyebut tentang disiplin, seringkali perkataan ini dikaitkan dengan pertubuhan-

pertubuhan yang berpakaian seragam atau kumpulan pangkat bawah yang menerima arahan daripada pegawai atasan. Pada hakikatnya, perkataan disiplin membawa maksud dan pengertian yang luas dan melibatkan segenap aspek kehidupan kita.

Pertunya hidup yang berdisiplin telah ditekankan lagi baru-baru ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam titah perutusan Baginda sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri, Baginda menekankan semangat berdisiplin dan tabah adalah diperlukan dalam tugas masing-masing untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara ini.

Disiplin melibatkan penyusunan dalam perlakuan kita sehari-hari untuk mewujudkan cara hidup yang teratur dan sempurna. Pokok penting dalam perkara ini ialah mendisiplinkan diri sendiri yang seharusnya disemai dan diamalkan sejak kanak-kanak lagi dan ini termasuklah menjaga harga diri atau keperibadian

sendiri dan mengawal serta mempertahankan kebudayaan sendiri. Ini memanglah merupakan faktor penting apatah lagi dalam zaman ini dalam mana keperibadian bangsa kita sering menghadapi berbagai cabaran dan pendedahan kepada berbagai pengaruh dan pergolakan. Sikap berdisiplin jika diamalkan membentasi perangai yang tidak diingini seperti si pugut yang pantang melihat kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan atau lain-lain pihak.

Disiplin adalah penting dalam kehidupan berkeluarga, beragama dan bernegara agar kehidupan terkawal dari gejala atau unsur yang tidak diingini. Masyarakat atau keluarga yang tidak berdisiplin tentunya akan mudah menjadi sasaran kepada berbagai penyakit masyarakat seperti keretakan keluarga atau masyarakat yang berpecah belah. Dalam pada itu kita juga harus tegas dan berani serta tabah dan waspada selalu dalam menghadapi berbagai isu dan fahaman yang boleh mengancam ketahanan kita dalam beriman lebih-lebih lagi zaman ini yang penuh dengan pergolakan dan kemajuan

dalam ilmu sains dan teknologi yang boleh melemah atau menggugah pegangan atau fahaman hidup.

Dalam bernegara pula kekuatan negara akan bergantung kepada ketahanan rakyatnya menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi dari semasa ke semasa. Disiplin rakyat sering menjadi tulang belakang negara. Jika disiplin negara dipunah-ranahkan maka keteguhan negara akan goncang. Oleh itu bagi mendukung hasrat negara, rakyat harus dan perlu mendisiplinkan tenaga dan fikiran untuk mencapai hasrat yang dikehendaki. Ini termasuklah disiplin dalam menjalankan tugas kita sehari-hari terutama sekali di sektor kerajaan. Usaha kita mestilah setimpal dengan ganjaran yang diterima dan bukan setakat untuk makan gaji sahaja. Dalam keadaan negara yang sedang membangun, memang sewajarnya disiplin dan ketabahan diri dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk memastikan negara stabil, harmoni dan aman. Mungkin dalam jangka panjang akan terbukti bahawa disiplin adalah satu-satunya cara mengatasi berbagai masalah dan gejala yang tidak diingini.



BERKUNJUNG ke rumah sanak-saudara mengeratkan lagi tali persaudaraan (atas) dan kaum wanita sibuk membuat bermacam-macam kuih untuk hidangan tetamu yang berkunjung.



KEMERIAHAN HARI RAYA MASIH TERASA

GEMA takbir dan tahmid di pagi raya, seluruh umat Muslimin menyambutnya dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran, setelah sebulan menunaikan ibadah puasa, hari raya merupakan satu kemenangan dalam melawan nafsu dan perasaan sepanjang bulan yang penuh dugaan dan cabaran itu.

Kini lebih seminggu sudah umat Islam di negara kita

menyambut Hari Raya Aidilfitri, kegembiraan dan kemeriahannya masih terasa di sana sini.

Suasana kegembiraan itu sangat terasa terutama bagi mereka yang dapat bersama keluarga dan sanak saudara. Ini ditambah lagi dengan sering berkumandangannya lagu-lagu hari raya dicorong-corong radio di sana sini, pembakaran dan percikan

Oleh: Zubaidah H.S.
Gambar oleh: Pg. Abu Bakar

bunga api yang dimainkan oleh kanak-kanak menambahkan lagi meriahnya suasana Hari Raya Aidilfitri yang disambut sekali setahun oleh umat Islam.

LAMPU NEON

Sebelum menjelang pagi raya kebanyakan rumah-rumah umat Islam di negara kita dihias dengan lampu-lampu neon (cucul). Tetapi ada juga yang masih suka menghias dengan cucul-cucul yang diperbuat dari buluh dengan dibubuh minyak tanah bagi menyerikan suasana malam raya.

Bagi yang mampu, rumah-rumah dihias dengan kemas dan rapi, kain langsir ditukar dengan yang baru, demikian pula dengan sarung kusyen, sarung bantal, atau alas kaki dan barang-barang perhiasan ditukar ganti dengan yang baru dan disusun dengan kemas bagi menyenangkan para tetamu yang akan berkunjung.

Ibu-ibu dengan dibantu oleh anak-anak atau keluarga sibuk menyiapkan berbagai juadah seperti ketupat, satay

lemang dan kelupis dan bermacam-macam juadah dan makanan disediakan untuk menjamu tetamu dan keluarga di pagi raya.

PENUH SESAK

Masjid-masjid dan surau-suru di seluruh negara penuh sesak dengan umat Islam yang menunaikan sembahyang Hari Raya. Selepas menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri, kebiasaannya umat Islam di negara kita pergi menziarahi satu sama lain dengan saling bermaaf-maafan. Si anak yang tinggal jauh dari keluarga akan menziarahi ke rumah ibu bapa untuk memohon ampun dan maaf. Setelah itu baharulah sama-sama kunjung mengunjungi ke rumah sanak saudara, jiran atau rakan-rakan.

Kebanyakan umat Islam di negara kita akan mengadakan rumah terbuka di sepanjang bulan Syawal. Tidak kira apa bangsa sekalipun boleh mengunjungi dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada mereka.

Di samping itu ada juga umat Islam yang pergi menziarahi kubur sanak saudara yang telah pergi ke rahmatullah.



LAMPU-LAMPU neon di pasang bagi menyerikan lagi suasana hari raya.



SETIAP menjelang hari raya kanak-kanaklah yang paling bergembira, di sini kelihatan kanak-kanak sedang bermain bunga api di malam hari raya.

KECEDERAAN PADA ANAK-ANAK DAMIT DAN KANAK-KANAK

KADANGKALA alat-alat yang perlu digunakan untuk membantu kelahiran anak-anak damit, alat ini boleh mengakibatkan kecederaan atau kerosakan pada kornea (selaput hening yang meliputi biji mata) dan boleh mengakibatkan penyakit 'astigmatisme'. Kerosakan ini boleh menjadi amik dan jika ia tidak diobati pada awal-awal lagi ia akan menjadi amblyopia (mata malas).

Salah satu kecederaan mata yang paling lazim pada anak-anak ialah luka akibat kuku; baik kukunya sendiri atau kuku penjaganya. Oleh kerana dicelah antara isi dengan kuku itu mengandungi pelbagai kuman yang tidak diinginkan yang mengakibatkan mata itu mudah berjangkit.

Kanak-kanak sekolah pula biasanya terdedah pada kecederaan mata oleh barang-barang seperti pensel, pena atau pembaris. Barang-barang itu terucuk ke mata dengan tidak sengaja atau semasa kanak-kanak itu berkelahi. Kesemuanya bergantung kepada pengawasan luka itu. Ia mungkin hanya akan garit ataupun luka. Mata akan menjadi pedih, berair dan silau kepada cahaya.

Binatang-binatang kesayangan juga boleh menyebabkan kecederaan pada mata, misalnya, mata dicakar oleh kucing, atau dipatek oleh ayam. Keadaan lukanya akan didapati berlainan. Kadangkala lubang-lubang kecil mungkin akan terdapat pada mata.

Lastik ialah satu lagi permainan kegemaran kanak-kanak. Ini boleh mengakibatkan berdarah di dalam hadapan atau belakang anak mata. Retina mungkin juga terjejas.

KECEDERAAN YANG TIDAK DI-SENGAJAKAN

Benda-benda asing seperti butang mungkin termasuk ke

PERKARA-PERKARA YG MENYEBABKAN KECEDERAAN MATA

dalam mata. Kadangkala pula ia terlekat pada kornea atau di bawah kelopak mata. Jika benda asing ini terlekat pada kornea, mata akan menjadi sakit, berair dan silau kepada cahaya. Benda asing mestilah dikeluarkan segera oleh seorang doktor dengan menggunakan alat-alat khas.

Jika benda asing itu terlekat di bawah kelopak mata, ia akan hanya terasa sakit sewaktu mata dikelipkan. Namun jika ia tidak dikeluarkan ia akan melukakan kornea. Benda itu boleh dikeluarkan dengan menyuci mata atau dengan mencubit kelopak mata dengan jari dan menyuruh pesakit menutup matanya. Benda itu kadangkala terjatuh. Satu cara lain ialah dengan mengangkat kelopak atas dan menariknya ke bawah. Ini akan menggalkan benda asing itu daripada melekat pada kelopak mata atas.

Kecederaan yang tidak disengajakan boleh juga disebabkan oleh bahan-bahan kimia, ubat-ubatan atau minyak panas yang terpercik ke mata. Amatlah penting bagi mata itu segera dicuci dengan air paip yang mengalir dan terus di bawa berjumpa doktor. Doktor itu perlu juga diberitahu mengenai kimia atau cecair yang telah terpercik itu supaya rawatan yang diperlukan dapat diberikan.

Lecuran pada kelopak mata boleh diakibatkan oleh rokok yang menyala. Ini sering berlaku semasa kanak-kanak berkejar-kejaran di sekitar tempat di mana orang-

orang sedang menghisap rokok.

KECEDERAAN DI TEMPAT KERJA

Kecederaan akibat daripada benda-benda yang terpelanting adalah perkara yang lazim di kalangan pekerja-pekerja binaan, mekanik, juruletrik, pengimpal dan sebagainya. Benda-benda seperti serpehan logam, batu atau bata mungkin terpelanting masuk ke dalam mata. Keparahnya bergantung kepada kelajuan benda itu. Dalam banyak hal ia mengakibatkan kecederaan dalam mata. Kecederaan berlaku semasa pemotong rumput sedang memotong rumput. Pisau mesin itu mungkin terkena batu atau kepingan logam dan memelantingkannya ke arah mata pemotong rumput itu atau orang-orang yang berjalan di ketika itu.

Pengimpal biasanya terkena api pancaran jika dia tidak memakai cermin mata pelindung sewaktu bekerja. Kesannya tidak akan terjadi dengan serta-merta. Ia memakan masa lebih kurang 6 hingga 8 jam sebelum mata menjadi sakit dan berair.

KECEDERAAN DI-SEBABKAN PERMAINAN/SUKAN

Kecederaan mata akibat dari bola bulutangkis, bola golf atau bola squash adalah sangat merbahaya. Oleh kerana bola ini kecil maka ia boleh muat pada biji mata, mengakibatkan kecederaan serius langsung pada bola mata. Kecederaan bersebabkan ini sering



SUDUT KESIHATAN

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

mengakibatkan kehilangan penglihatan atau dengan lebih nyata akan melemahkan penglihatan.

Bola-bola yang digunakan dalam permainan-permainan lain seperti bola sepak adalah lebih besar. Jikapun berlaku kecederaan ia tidak akan terkena langsung pada mata. Namun demikian ini juga adalah membahayakan kerana ia boleh mengakibatkan mata bengkok dalam dan luar, berdarah dan kadangkala mengakibatkan kerosakan pada anak mata. Setengahnya pula kerosakan pada retina, atau lensa.

Tinju juga boleh mendatangkan kecederaan serius kepada biji mata. Keparahan

bergantung kepada tekanan terhadap mata. Langkah mengelakkan kecederaan ini ialah dengan menasihatkan orang-orang untuk memakai cermin mata pelindung sewaktu bersukan.

KEMALANGAN JALAN RAYA

Kemalangan jalan raya juga menyebabkan kecederaan mata. Ini sering disebabkan oleh cermin kereta pecah atau kecederaan kepala yang mengakibatkan mata. Oleh kerana itu pemandu dan penumpang dinasihatkan memakai tali pinggang keledar untuk menghalang mereka daripada terhumban ke luar daripada kereta

apabila kemalangan jalan raya berlaku.

LAIN-LAIN KE- CEDERAAN MATA

Bahan-bahan letupan seperti bedilan-bedilan boleh mengakibatkan hangus pada mata. Jenis kecederaan ini adalah lazim di tempat-tempat seperti Hong Kong tetapi tidak di Negara Brunei Darussalam.

Satu bahaya lain kepada mata ialah letupan dari bola golf. Setengah bola golf mengandungi cecair di tengah-tengahnya dan di bawah tekanan 2,000 aun per inci persegi. Jika lapisan-lapisan luarnya lemah atau tidak kuat, ini cukup memadai untuk membolehkan ia meletup.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 18 Jun hingga 24 Jun 1986

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis	18.6.1986	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalen Batu	18.6.1986	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Masin	18.6.1986	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Di hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang	18.6.1986	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong	21.6.1986	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	21.6.1986	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sengkuring	21.6.1986	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Agama Sengkuring	21.6.1986	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	21.6.1986	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut	21.6.1986	Sabtu	4.30- 5.30 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	22.6.1986	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampong Perpindahan Serasa	22.6.1986	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Muara	22.6.1986	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas	23.6.1986	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Junjungan	23.6.1986	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Kerajaan Panchor Murai	23.6.1986	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Berakas (Bhg. Rendah)	23.6.1986	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas	23.6.1986	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah Kerajaan Orang Kaya Besar Imas Subok	24.6.1986	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak	24.6.1986	Selasa	10.30-11.30 "

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 5 Jun, 1986.

BANDAR SERI BEGAWAN

- Kacang Tanah — \$1.60 sekati di
 - Chop Kian Lee A4, Jalan Robert.
 - A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.
 - Eng Leong (Teck Kee) No. 5, Jalan McArthur.
- Kacang Hijau — \$0.90 sekati di
 - Ming Thai Company No. 32, Jalan Sultan.
 - Hen Long No. 31, Jalan Sultan.
- Ubi Kentang — \$0.80 sekati di
 - Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
 - Ming Thai Company No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

- Kacang Tanah — \$1.40 sekati di
 - Yick Yuan No. 3, Jalan Pretty.
- Kacang Hijau

- Yick Yuan No. 3, Jalan Pretty.
- Chin Fatt No. 60B, Jalan Pretty.
- Ubi Kentang — \$1.00 sekati di
 - Yick Yuan No. 3, Jalan Pretty.
 - Ching Enter No. 103, Jalan McKerron.
 - Chin Fatt No. 60B, Jalan Pretty.

SERIA

- Kacang Tanah — \$1.40 sekati di Soon Kheng No. 50, Jalan Bunga Kuning.
- Kacang Hijau — \$1.20 sekati di
 - Toh Sing No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chung Fatt No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
- Ubi Kentang — 80 sen sekati di Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali

Toleh Pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 14 Oktober 1967 mencatatkan bahawa Jabatan Bomba tidak lama lagi akan mempunyai alat-alat perkakas melawan api yang merupakan tangga terlipat untuk digunakan melawan kebakaran di bangunan-bangunan yang tinggi dalam kawasan Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan). Perkakas yang boleh dinaikkan setinggi 100 kaki akan tiba di negara ini dalam hadapan yang telah dijanjikan dari sebuah syarikat British dengan harga \$38,000.

Pengawal Bomba, Awang Sam Soe Man menekankan bahawa semua balai-balai bomba di negara ini akan dilengkapi dengan alat-alat perkakas melawan api yang moden. Langkah ini diambil sesuai dengan bertambahnya bangunan-bangunan tinggi yang meningkat-tingkat terutama di kawasan bandar.

Jabatan Bomba pada masa ini mempunyai sebuah alat perkakas tangga terlipat

setinggi 55 kaki yang dibeli dari Britain dalam tahun 1963.

Di samping itu kerja pembinaan Balai-balai Bomba di

Pekan Tutong dan di Bangar, Temburong sedang giat dilaksanakan manakala Balai Bomba di Muara hampir siap pembinaannya.

Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1955, Kerajaan Brunei melalui Jabatan Imigresen Brunei telah mengeluarkan dokumen perjalanan keluar negeri yang digunakan sebagai passport bagi kegunaan rakyat Brunei yang hendak keluar negeri.

Dokumen perjalanan tersebut hanya sah untuk sekitar wilayah Borneo sahaja. Dokumen baru ini dikeluarkan bagi mengganti sijil-sijil pengenalan keluar negeri yang lama.

Dokumen perjalanan untuk keluar negeri yang dikeluarkan pada tahun 1955 itu berharga \$3.00 dan sah digunakan untuk selama lima

tahun dari tarikh ia dikeluarkan.

Setelah negara kita mencapai kemerdekaan yang penuh berdaulat iaitu pada tahun 1984, negara kita telah mengeluarkan buat pertama kalinya passport antarabangsanya sendiri.

Sebelumnya, dokumen perjalanan bagi rakyat negara ini adalah dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di mana pengendaliannya dikelolakan oleh Jabatan Imigresen. Dokumen perjalanan antarabangsa yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ini dipanggil sebagai British Passport.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-333

DAKWAH DALAM ISLAM (Bahagian pertama)

TELAH sampai kepada kita dari satu masa ke satu masa soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan daripada orang awam Islam perkara seperti menambah perkataan Sayidina sebelum nama Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, adakah bid'ah? Menyeru Nabi Rasulullah Alaihi Wasallam itu seperti Ya Rasulullah itu adakah salah? Memanggil orang mati dari dalam kubur adakah syirik (menyekutukan Allah)? Ziarah makam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Madinah Al-Munawwarah itu adakah bid'ah? Tausul dan Istighathah daripada wali-wali dan Nabi-Nabi adakah syirik? Dan banyak lagi perkara lain yang ditegah oleh setengah-setengah orang yang cuma mendapat pengetahuan dari pendengaran dan dari mulut dengan tiada diperiksa dan tiada difahamkan benar-benar akan masalah-masalah itu menerusi kitab-kitab karangan ulama yang diakui oleh umat Islam.

Inilah telatah dan kelakuan setengah-setengah ahli dakwah dan mereka menyusahkan fikiran orang awam Islam dengan dakwah dan cara dakwah yang dibawa oleh mereka.

Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah pendapatnya mengenai masalah ugama bertentangan dengan pendapat ulama-ulama Islam.

Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah telah menyalahi banyak masalah hukum-hukum Islam sama ada pada perkara yang berhubung dengan Usuluddin dan akidah Islam, atau pandangannya dalam perkara ahli Tasawuf, atau dalam perkara masalah furu' yang telah ijma' padanya atau lain-lain furu' hukum Islam.

Al-Imam Ibnu Hajar dalam Al-Fatawil Hadithah telah menyebut darihal Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah, dan perkara

Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah yang menyalahi ulama Islam dalam 'akaed, tasawuf dan perkara furu' Islam yang mana setengah-setengah perkara furu' itu telah di-ijma' tetapi dia telah menyalahinya.

Sila lihat dalam Al-Fatawil Hadithah cetakan Mustafa Al-Halabi Mesir, tahun 1356 Hijrah - 1937 Masihi muka 99 dan 100 sepuh dua muka kitab biasa.

Kita telah sebutkan setengah-setengah perkara yang Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah menyalahi akan pendapat ulama Islam dalam kitab kita ringkasan Akidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah (sila lihat di sana).

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Syarhul Eidhah Lilimam An-Nawawi bahawa Ibnu Taimiyah itu seorang hamba Allah yang telah disesatkan oleh Allah Taala ketika ia menyebutkan bahawa Ibnu Taimiyah itu berkata tiada sunat pada ziarah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di Madinah Al-Munawwarah itu.

Mana-mana ahli dakwah yang mengikut perkara yang ganjil dan menyalahi daripada Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah, anak muridnya Ibnu Al-Qayyum Al-Jauziyyah, Ash-Shaukani Al-Yamani As-San'ani Al-Yamani Az-Zaidi dan pengikut-pengikut mereka, maka itulah yang menyusahkan fikiran orang awam Islam, yang kurang serba-serbi di dalam selok-belok pengetahuan Islam dalam mazhab Ash-Shafiee dan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jema'ah.

Berkata Al-'Alaamah Dato Syed 'Alawi bin Tahir Al-Haddad Mufti Kerajaan Johor yang mati tahun 1382 Hijrah dalam suatu fatwanya: Bahawa Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah itu seorang alim yang salah pada perkara ijthadnya.

Itulah dia pendapat ulama-ulama Islam pada

perkara Al-'Alaamah Ibnu Taimiyah itu.

Hukum dakwah atau amar bilmakruf atau nahi anil mungkar.

Berkata Al-'Alaamah As-Syed Abd. Rahman Al-Mashur Mufti Hadhra Maut Wa'alimaha dalam Bughyatul Mustarsyidin, cetakan Mustafa Al-Halabi Mesir tahun 1371 Hijrah - 1952 Masihi.

Masalah: Ulama Islam telah bersalah-salahan pendapat pada perkara meninggalkan amar bilmakruf dan nahi anil mungkar, maka berkata Al-Imam Ahmad bin Hanbal: Meninggalkan keduanya itu adalah perbuatan kufur.

Setengah ulama besar kita berkata: Meninggalkan keduanya itu suatu dosa besar, dan setengah ulama besar itu berkata dengan tafsil; kiranya dikatakan: Meninggalkan amar bilmakruf dan berbuat mungkar itu dosa besar, maka meninggalkan keduanya itu adalah dosa besar, dan jika dikatakan keduanya bukan dosa besar, maka meninggalkan keduanya itu dosa kecil.

Oleh yang demikian, barangsia melihat orang meninggalkan sembahyang dan ia tiada menyuruhnya sembahyang atau melihat orang berzina dan ia tiada menegahnya maka orang yang melihat itu telah melakukan dosa besar dengan itifak ulama.

Barangsia melihat orang menggunakan sutera dan mas dan perak, pada kegunaan yang haram, dan tidak menegahnya, maka ia telah melakukan dosa besar pada pendapat orang yang mengatakan perkara-perkara itu dosa besar, iaitu Al-Imam Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir, dan Ali Ash-Shabramili, dan dosa kecil pada pendapat orang yang mengatakan dosa kecil, iaitulah yang muktamad pada Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah dalam bab Ar-Riddah, dan telah

diterbitkan oleh Al-Manawi, dan ia tiada ditaktyidkan haram memakai sutera itu dengan sentiasa memakai akannya pada dua qaul itu, akan tetapi apabila kita kata: Dia dosa kecil, maka menjadi fasik orang yang menggunakannya dan orang yang tiada menegahnya itu, jika sentiasa ia kekalkan di atasnya dengan berlebihan kekal padanya, atau beserta dengan dosa-dosa kecil yang lain dengan lebih-lebih banyak dari Nawafil taatnya (kebaikannya dan amal saleh).

Tiadalah boleh dan tiada harus bagi orang awam Islam yang jahil akan hukum perkara yang dilihatnya itu, pergi menegah perkara itu, sehingga sesudah ia ketahui bahawa perkara itu telah ijma'

ulama padanya bahawa perkara itu mungkar dan salah, maka babarulah boleh ia tegah perkara itu, atau ia ketahui bahawa orang yang melakukan perkara itu bahawa perkara itu mungkar, maka ia buat, maka baharulah ia boleh tegah perkara itu.

Tiadalah boleh dan tiada harus bagi seorang alim menegah akan suatu perkara yang ada khilaf hukumnya padanya, sehingga ia telah ketahui bahawa orang yang melakukannya itu ketika ia melakukannya bahawa ia beriktikad bahawa perkara yang dilakukannya itu haram, kerana boleh di-ihimalkan bahawa dia bertaklid kepada orang-orang yang mengatakan perkara itu halal, atau diihimalkan



dia ketika melakukan perkara itu bahawa ia jahilkan haramnya itu. Tamat.

Ini dia cara melarang atau menegah atau mendakwah orang-orang yang sedang melakukan sesuatu mungkar atau larangan Allah, sama ada orang yang mendakwah itu orang awam Islam atau orang alim yang mengetahui hukum-hukum Islam.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



GAMBAR atas kelihatan sebahagian dari para hadirin yang hadir di majlis ramah mesra Aidilfitri di S.R. Datu Mahawangsa, Lambak. — Gambar oleh Harun Rashid.

PERBEKAL diseru pelihara suasana aman damai

LAMBAK. — Ahli-ahli Persekutuan Belia Kampong Lambak ringkasnya PERBEKAL di seru supaya sentiasa memelihara suasana aman damai, hidup bantu-membantu di antara satu sama lain, nasihat-menasihati serta memelihara tali silaturahim dan di seru menjauhkan diri dari gejala-gejala yang tidak sihat yang cuba merosakan dan mempengaruhi kehidupan seharian.

Dato Paduka Awang Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid, Pengawal Imigresen, Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan Negara Brunei Darussalam juga selaku penasihat PERBEKAL telah berucap demikian di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bertempat di Sekolah Rendah Datu Mahawangsa di sini Jumaat lepas.

Katanya di dalam dunia sekarang banyak gejala-gejala yang tidak sihat cuba merosakan dan mempengaruhi kehidup-

an seharian terutama anak-anak muda. Maka dengan bertakwa dan beriman kepada Allah saja dapat menghalang pengaruh-pengaruh tersebut.

Di majlis itu juga beliau menyeru khususnya pemuda-pemudi kampung itu supaya sentiasa menceburkan diri dalam usaha-usaha yang mendatangkan faedah baik dari segi ekonomi mahupun dari segi kebajikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Fauziah binti Haji Abdul Wahab dan diikuti dengan bacaan Takbir Hari Raya Aidilfitri.

Juga berucap ialah Yang Dipertua PERBEKAL Awang Haji Sulaiman bin Haji Abdul Wahab.

Bagi memeriahkan suasana majlis itu, satu ceramah ugama telah disampaikan oleh Ustaz Haji Abdul Rahman Mahmud, Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Brunei Darussalam.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 18 Jun, 1986 hingga ke hari Selasa 24 Jun, 1986 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Jun												
18	12.23	3.48	3.49	6.33	6.34	7.49	7.50	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09
19	12.24	3.48	3.49	6.33	6.34	7.49	7.50	4.52	4.38	4.53	6.08	6.09
20	12.24	3.48	3.49	6.33	6.34	7.49	7.50	4.53	4.39	4.54	6.09	6.10
21	12.24	3.48	3.49	6.34	6.35	7.50	7.51	4.53	4.39	4.54	6.09	6.10
22	12.24	3.49	3.50	6.34	6.35	7.50	7.51	4.53	4.39	4.54	6.09	6.10
23	12.25	3.49	3.50	6.34	6.35	7.50	7.51	4.53	4.39	4.54	6.09	6.10
24	12.25	3.49	3.50	6.34	6.35	7.50	7.51	4.54	4.40	4.55	6.10	6.11

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

UNTUK KESEMPURNAAN HIDUP: BERSIHKAN HATI DARI SIFAT-SIFAT KEJI

MARILAH sama-sama kita bertakwa dengan benar-benar kepada Allah Subhanahu Wataala dengan memperbanyakkan amal ibadat dan menjauhi daripada segala yang dilarang-Nya.

Kita semuanya telah maklum bahawa setiap makhluk yang bernama manusia itu ianya diciptakan Allah adalah terdiri daripada dua unsur yang berlainan keadaannya iaitu jasad dan roh serta dengan kata lain terdiri daripada dua badan iaitu badan jasmani dan rohani.

BIMBINGAN

Di waktu manusia itu hidup di dunia ini ia masih belum berjalan ke sana ke mari maka apa yang dikatakan jasmani dan rohani itu meletak satu sama lain untuk kesempurnaan hidup seseorang manusia itu. Maka kedua unsur itu tadi adalah sama-sama memerlukan kepada 'tarbiyah' iaitu pendidikan memeliharanya serta bimbingan yang sebaiknya.

Kalaulah jasmani kita ini memerlukan makan, minum, perawatn, tempat kediaman, semua terpenuhi segala kehendak nafsu zahir dan batin serta lain-lain keperluan yang dikehendakinya.

SANTAPAN

Maka unsur rohani kita ini adalah berkehendak kepada santapan rohani, berkehendak kepada nasihat

yang berguna, petunjuk-petunjuk yang berfaedah, yang dapat menyuburkan dan menyihatkan rohani kita itu sehingga kita dapat hidup sepertiimana yang dikehendaki oleh pencipta segala makhluk dan kejadian iaitu sebagai makhluk yang patuh dan tunduk kepada Khaliknya bukan sebagai makhluk yang derhaka dan sombong seperti mana iblis dan syaitan durjana.

Ada disebutkan di dalam Kitab 'Tahzibul Akhlak' bahawa di antara faktor-faktor yang penting untuk membina rohani yang sihat supaya manusia itu dalam hidupnya memiliki jiwa yang sihat, fikiran yang sihat, cita-cita dan niat yang sihat. Maka manusia itu mestilah dalam hidupnya berusaha untuk membersihkan hatinya daripada perkara-perkara munkar dan dari segala sifat-sifat yang keji dan tercela kerana ialah punca kejayaan serta punca kecelakaan seseorang manusia sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran Surah As-Syams yang kira-kira tafsirnya:

"Sesungguhnya beruntunglah ada orang yang mensucikan jiwa atau rohaninya (dari sifat-sifat yang keji) dan sesungguhnya rugilah orang-orang yang mengotorinya (dengan sifat yang tercela lagi tidak diredai Allah Subhanahu Wataala)."

NIAT

Kerana itu kalau niat di dalam hati benar-benar suci dan baik akan tetap membuahkan amal yang baik, kalau niatnya tidak baik atau jahat maka ini tetap akan mengeluarkan buah amal yang tidak baik juga. Seterusnya kalau niatnya tidak jujur maka amalnya adalah palsu dan sia-sia sahaja. Kerana itu Nabi ada bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya di dalam jasad ada segumpal daging apabila ini baik maka akan baiklah seluruh jasad dan apabila ianya rosak atau berlaku jahat maka rosak dan jahat seluruh jasad dan iaitu ialah hati manusia."

Di dalam Kitab 'Tahzibul Akhlak' diterangkan lebih lanjut apa yang disebutkan oleh hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan kata-kata apabila hati itu baik di mana yang dimaksudkan baik itu ialah: Bersih daripada sifat-sifat yang keji atau tercela di samping ianya dihiasi dengan sifat-sifat yang terpuji dan baik.

Di antara perkara yang menyebabkan hati manusia itu menjadi jahat dan rosak ialah tiga perkara yang utama iaitu:

KUFUR

Pertama: Berlaku kufur sama ada kufur secara terang-terang iaitu tidak beriman kepada Allah, menyekutukan

Allah dengan yang lain. Nauzubillah atau berlaku kufur secara tidak nyata baik kufur terhadap nikmat-nikmat Allah, menggunakan nikmat-nikmat Allah pada perkara yang tidak diredai Allah. Kerana itu seorang yang telah beriman maka hendaklah ianya memelihara keimanannya itu dan menjaganya daripada unsur atau gejala-gejala yang boleh membawa imannya menyeleweng ke arah kekufuran sama ada secara terang atau tidak kerana ini akan menyebabkan kerosakan hatinya dan akibatnya ialah akan merosakkan dirinya baik di dunia mahupun di akhirat nanti.

Kedua: Yang menyebabkan hati itu beku dan jahat ialah kejahilan dan kebodohan iaitu kebodohan dan kejahilan tidak mahu mengenal Tuhannya, tidak mahu mengetahui ajaran Tuhan, tidak mahu mempelajari akan larangan-larangan dan tegahan agama dengan erti kata lain dia tidak ingin untuk mempelajari agama yang menjadi Fardu Ain kepadanya. Akhirnya hatinya menjadi tertutup untuk menerima sifat-sifat yang mulia untuk menjadi hiasannya. Bahkan menjadi sarang bagi sifat-sifat yang keji dan hina.

Ketiga: Perasaan takut dicela dan suka dipuji di



mana sifat suka meminta dipuji terutama dengan pujian yang melampaui batas. Sesungguhnya yang demikian itu menyebabkan hilangnya sifat-sifat ikhlas di dalam beramal dan membuat kebajikan sedangkan keikhlasan itu adalah menjadi dasar perjuangan umat Islam dalam beramal menegakkan kalimah Allah, demi mencari keredaan dan rahmat serta hidayah Allah Subhanahu Wataala. Lantaran itulah maka sifat suka bermegah dan suka dipuji itu boleh membawa manusia lupa daratan sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sukakan pujian daripada manusia itu adalah membuat hati dan telinga dari dapat mendengar kebenaran."

Untuk kebersihan rohani kita maka hindarkanlah dari sifat-sifat yang menyebabkan ianya menjadi rosak itu sebagaimana yang disebutkan di atas tadi di samping sering mengubatinya dengan memperbanyakkan ingat dan berzikir kepada Allah Subhanahu Wataala serta membuat amal ibadat. Mudah-mudahan dengan itu akan suci bersihlah rohani kita dan seterusnya bersih pula jasad kita dari mendapat celaka dan kemurkaan Allah Subhanahu Wataala.

Kampong Masin akan punyai masjid baru

MASIN. — Sebuah masjid baru sedang dibina bagi penduduk-penduduk Kampong Masin di Daerah Brunei Muara. Kerja pembinaan ke atas tapak seluas dua setengah ekar itu bermula bulan Oktober tahun lalu, dan dijangka siap dalam masa dua bulan lagi.

Bangunan tersebut bernilai kira-kira setengah juta ringgit, ia dijangka memuatkan lebih empat ratus orang jemaah. Kawasan letak kereta bagi kira-kira 150 buah kenderaan juga disediakan. Masjid baru itu akan menggantikan bangunan lama yang telah dibina dalam tahun 1962.

Memeluk agama Islam

BELAIT. Satu majlis pengislaman telah berlangsung di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait baru-baru ini. Ianya adalah bagi Awang Alan Buchan yang kini dikenali sebagai Awang Mohammad Alan Buchan bin Abdullah.

Sementara itu Seorang lelaki berbangsa Dusun telah juga memeluk agama Islam. Dia ialah Awang Sinti bin Tengah dan kini dikenali sebagai Awang Zainal Abidin bin Abdullah. Kedua-dua Majlis pengislaman tersebut telah diselenggarakan oleh Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Belait.

Mengecap dan pendaftaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Sukatan dan Timbangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengumumkan bahawa proses mengecap dan pendaftaran tahunan alat-alat sukan dan timbangan di seluruh negara telah bermula dari 2 Jun lalu

sehingga lewat tahun ini. Mereka yang berkenaan bolehlah menghubungi ibu pejabat Bahagian Sukatan dan Timbangan di ibu negara atau cawangannya di Daerah Tutong, Belait dan Temburong semasa pejabat dibuka.

Bersyukur bukan sahaja sekadar mengucap Al-hamdulillah

SEBAGAI hamba Allah kita hendaklah bersyukur di atas rahmat dan nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita. Sebagaimana bersyukur itu adalah yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Allah berfirman di dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 152 lebih kurang bererti: "Kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku)."

Allah berfirman lagi di dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 172, kira-kira bererti: "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya."

Erti syukur ialah mempergunakan nikmat atau pemberian yang ada di tangan kita, sesuai dengan yang dikehendaki oleh Allah. Menyatakan kesyukuran kepada Allah

Subhanahu Wataala dengan mengucapkan puji-pujian yang menunjukkan kesyukuran itu dan melaksanakan ketaatan kepada Allah yang mengurniakan kenikmatan, seterusnya menjaga jangan sampai kenikmatan tadi dipergunakan untuk melakukan perbuatan maksiat.

Yang disebut nikmat itu ialah apa saja yang memberikan kelazatan, keenakan atau kesenangan, berupa harta kekayaan, pangkat atau kedudukan, ilmu pengetahuan, kecantikan badan, kesihatan dan sebagainya.

Sesuatu yang bermanfaat di dunia dan akhirat adalah merupakan nikmat bagi manusia yang hakiki. Sebaliknya sesuatu yang merugikan manusia di dunia dan akhirat adalah merupakan malapetaka bagi manusia yang sebenarnya.

Tetapi tidak setiap orang yang memperolehi nikmat kurnia pasti bersyukur kepada Allah. Tidak sedikit orang yang tidak tahu berterima kasih, bahkan mengingkari nikmat Allah.

Allah Subhanahu Wataala sendiri berfirman

di dalam Al-Quran Surah Al-Insaan ayat 3, bererti: "(Kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka) sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasull) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau men-durhaka).

Tentu saja orang yang tidak berterima kasih disebabkan menurut Al-Ghazali ialah kerana memang mereka tidak mengerti atau bodoh, dan adakalanya juga kerana kelalaian belaka. Bodoh dan lalai inilah yang menyebabkan dia tidak tahu berterima kasih atau yang menghalangi dia bersyukur kepada Allah.

Banyak orang yang berterima kasih kepada Allah di waktu mereka sihat, dan baru mereka menyedari nilai kesihatan itu setelah mereka jatuh sakit.

Tidak sedikit juga orang kurang menyedari nilai harta kekayaan di waktu mereka kaya raya atau tidak menyedari nilai usia muda

di waktu mereka bahagia muda, kesedaran itu baru timbul di waktu mereka sudah jatuh miskin atau di waktu mereka sudah tua bangka.

Ini semuanya hanyalah sekadar beberapa contoh orang yang lalai sehingga tidak bersyukur kepada Allah atas sesuatu nikmat kurnia yang ada padanya, umumnya orang baru menyedari nikmat yang diperolehinya setelah nikmat itu lenyap dari tangannya.

Perlu diketahui, bahawa bersyukur kepada Allah tidaklah cukup hanya sekadar mengucapkan Alhamdulillah Wasyukrulillah. Bersyukur kepada Allah seperti yang telah dikemukakan ialah menggunakan nikmat kurnia yang diperolehinya dari Allah sesuai dengan yang dikehendaki oleh Allah. Nikmat kurnia itu dimanfaatkan untuk perbuatan-perbuatan yang diredai Allah dan bukan untuk perbuatan kemaksiatan.

Dapat disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan bersyukur itu ialah melakukan ketaatan atau kepatuhan kepada Allah Subhanahu Wataala.



Kilang Penapis Minyak capai rekod keselamatan

PEKERJA-PEKERJA Kilang Penapis Minyak Brunei telah mencapai rekod keselamatan yang menggalakkan dan untuk itu mereka telah dianugerahkan lencana keselamatan Shell.

Penyampaian anugerah lencana tersebut telah disampaikan oleh Nick Whalley kepada Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kilang tersebut Awang Suhaily bin Haji Dagong.

Penganugerahan itu diberikan berasaskan dari ketiadaan kehilangan masa bekerja dan tanpa kemalangan bagi dua tahun berturut-turut.

Pekerja kilang tersebut telah berjaya memperoleh 250,000 masa bekerja tanpa

kehilangan masa bekerja pada 3 Mei yang lalu dan 1,000 hari bekerja tanpa sebarang kecederaan pada bulan Oktober 1985.

Selain daripada itu kilang tersebut juga telah berjaya mencapai 30,000 hari bekerja tanpa sebarang kecederaan pada 17 Mac yang lalu sebagai sebahagian dari Skim Insentif Keselamatan.

Adalah dijangkakan kesemua kakitangan kilang tersebut akan berjaya mencapai 450,000 masa bekerja tanpa kehilangan masa bekerja pada bulan Oktober tahun ini.

Sasaran keselamatan kilang penapis ialah untuk terus-menerus beroperasi tanpa sebarang keselamatan.



AWANG Suhaily Haji Dagong menerima anugerah lencana keselamatan yang disampaikan oleh Awang Nick Whalley.

Pemborong ikuti bengkel keselamatan

SERAMAI 16 orang wakil dari 10 pemborong yang ada kaitan dengan projek-projek EPS telah menghadiri bengkel keselamatan bulan lalu.

Bengkel tersebut bertujuan bagi memperbaiki lagi mutu kesedaran para pemborong terhadap keselamatan dengan mengadakan lawatan-lawatan

ke tempat kerja, tayangan filem dan perbincangan mengenai keselamatan khusus yang berhubung rapat dengan keselamatan.

Semasa sesi itu diadakan para peserta bengkel telah sempat melawat beberapa tempat kerja binaan di Padang Serai dan melihat tayangan gambar video tentang penggunaan perancah.

Antara masalah yang dibincangkan dalam sesi itu termasuklah masalah yang dihadapi semasa kerja-kerja pemungahan terutama sekali kejadian yang membabitkan kerosakan pada kabel-kabel bawah tanah dan paip-paip.

Pihak EPS bercadang untuk mengadakan bengkel tersebut di masa-masa akan datang sebahagian daripada dayasaba BSP yang berterusan terhadap memperbaiki lagi mutu keselamatan.

BRUNEI LNG CAPAI SEJARAH YANG GEMILANG

PERNIAGAAN LNG adalah amat berlainan daripada perniagaan minyak yang biasa. Di mana dalam pasaran minyak mentah ratusan pengeluar serta penjual, tukang memproses serta pembeli wujud di seluruh dunia.

Minyak mentah telah menjadi komoditi perniagaan yang mudah dan masih berlaku di masa kini tetapi tidak dengan LNG.

Hanya sedikit pengeluar dan pembeli berlaku oleh itu perjanjian jangka panjang antara pengeluar dan pelanggan dibuat sebelum-sebuah projek LNG dilaksanakan yang melibatkan pelaburan yang besar dalam menyediakan kemudahan-kemudahan, loji mencair gas, perkapalan dan penyediaan penerimaan kemudahan yang dibekalkan.

Bagi projek LNG Brunei perjanjian dalam jangka 20 tahun telah dicapai di antara penjual dan pembeli dalam tahun 1969. Pembeli-pembeli tersebut terdiri dari Tokyo Gas Co., Tokyo Electric dan Osaka Gas. Kargo pertama LNG telah pun dihantar dalam musim sejuk tahun 1972/1973.

Di masa kini rakan kongsi perniagaan BLNG terdiri dari BSP, LNG, Brunei Coldgas Sendirian Berhad dan pembeli-pembeli Jepun, Tokyo Gas, Tokyo Electric dan Osaka Gas.

Setiap tahun Program Penghantaran Tahunan atau ADP telah dipersetujui antara rakan-rakan perniagaan seperti yang tersebut di atas.

Dalam program tersebut kesemua tarikh ketibaan kapal-kapal LNG di Lumut dan di Jepun telah ditetapkan pada jumlah keseluruhan kargo (155) diturunkan.

Program tersebut berjalan dari 1 April 1985 hingga 31 Mac 1986. Di akhir bulan Mac lalu, Program Penghantaran yang ke-13 telah berjaya diputuskan sementara pada hari pertama bulan April ADP ke-14 telah dimulakan.

Perhubungan/Kontak dan

perundingan pertama tentang ADP-14 bermula pada awal bulan November 1985.

Antara perbincangan-perbincangan yang telah diputuskan dalam ADP tersebut ialah:

* Jumlah keseluruhan kargo 155

* Hantaran yang rendah dari bulan Mei hingga November bulan-bulan yang lain han-

taran meningkat (keperluan pembeli)

* Pada akhir Jun dan minggu pertama bulan Julai gas yang paling rendah telah didapati kerana AMGP-9 telah ditutup.

* Pada tiga minggu pertama bulan September, gas yang paling rendah telah didapati kerana perubahan ke atas talian gas AR-2

* Untuk tujuh bulan (Mei hingga Oktober) sebuah kapal LNG akan diperbaiki bagi pengubahsuaian.

Jelas kepada kita bahawa sejarah projek LNG Brunei telah berjaya di mana dari 13 ADP yang lalu telah dibuat dengan persetujuan jumlah kargo-kargo yang dihantar tepat pada waktunya kepada pembeli-pembeli.



KAPAL Gardinia merupakan sebuah kapal pengangkutan yang digunakan bagi mengangkut gas LNG ke Jepun.

Tempat tinggal pekerja dipasang di AMPA-9

TEMPAT penginapan AMLQ-9 di tepi Kompleks AMPA-9 telah dipasang oleh Kren Tongkang Mantorek pada 2 Mei yang lalu.

Dalam pada itu, titian bagi modal bawah akan disambung di sepanjang pelantar berhampiran dengan dek atas AMPA-9.

Modul-modul baru ini akan menggantikan tempat tinggal yang ada sekarang yang terlalu kecil dan tidak dapat memenuhi kehendak keselamatan masa kini.


Oleh kerana pengubahsuaian dan pe-

masangan tersebut tempat penginapan ini dibahagi kepada dua modul yang dinamakan modul atas dan bawah. Modul bawah menempatkan dapur bagi orang-orang Islam dan yang bukan Islam, bilik rekreasi, bilik suis, bilik-bilik penyejuk dan juga tempat tinggal bagi 8 orang pekerja.

Sementara itu pula, modul atas yang membentuk sebahagian dari helidek yang baru akan menempatkan sebuah bilik kawalan, bilik peralatan tambahan pejabat-pejabat dan tempat tinggal bagi 32 orang pekerja.

Kedua-dua modul tersebut terpaksa diangkat dengan kren secara ikatan kerana berat kedua-duanya ialah 250 tan.

Modul-modul tersebut direka dan dibina di Promet Ship Yard Singapura termasuk sistem-sistem pengesanan dan perlindungan keselamatan. Bahagian dalam modul-modul itu pula dibahagikan oleh sekatan keluli berombak bagi mengasingkan kawasan-kawasan dari bahaya kebakaran. Sementara helidek dilengkapi dengan peralatan pemadam buih yang pertama terdapat di luar pantai.



GAMBAR menunjukkan tempat tinggal dipasang bertempat di AMLQ-9 di tepi Kompleks AMPA-9.



SEBAHAGIAN daripada pemborong-pemborong yang mengikuti bengkel keselamatan bertempat di Pusat Latihan Teknikal BSP.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

MAAF ZAHIR BATIN

SUDAH satu minggu le-
wati kita memasuki bulan
tahun ini. Walaupun
kenangan Hari Raya
lagi bersama umat Is-
lam-lebih lagi kepada
yang mungkin mengalami ke-
kenangan yang meng-
gila di hari lebaran ter-
sebut.
Bagi pihak radio pula, tim-
bulah satu pertanyaan. Apakah
pendengar telah benar-
benar terhibur dengan ran-
cangan-rancangan yang telah
disediakan pada hari yang
tersebut? Motif radio di
tersebut adalah tidak lain
bukan, semata-mata un-
tuk memberikan hiburan sam-
pai menambahkan lagi seri di
radio dengan membanyak-
kan rancangan-rancangan
yang bercorak jenaka tapi di-
sampaikan juga pengajarannya
yang tersendiri.
Kami harap rancangan-
rancangan yang mengisikan
suara radio bermula
pada malam hari raya hingga
pada hari raya yang ke-
empat akan dapat dijadikan
suara penghibur dan sekurang-
kurangnya dapat meramaikan
suasana rumah awda.
Kehadiran kakitangan radio
di hari yang berbahagia ter-
sebut adalah begitu besar
kepada mereka sen-
ta tidaknya, cubalah
anda fikirkan, tengah-tengah
yang marah-menziahi sa-
tak wadara, bersukaria ber-
sama keluarga; orang radio
pula menghadapinya sama se-
paku hati-bari kerja. Ya! Me-
reka yang bertugas secara

bergilir-gilir berada di studio,
bertakap terus menemui pen-
dengarnya. Semua ini dilaku-
kan dengan penuh keikhlasan,
kerana mereka tidak boleh lari
dari tugas yang sudah diper-
untukkan kepada mereka.

Sekali-sekala ingin juga
orang-orang radio hendak
mendengarkan apakah ko-
men-komen pendengar ten-
tang rancangan-rancangan
yang telah kami sajikan. Ba-
rangkali untuk memuaskan
sepenuhnya selera pendengar
adalah agak sukar, kerana
seperti yang kita maklumi,
selera manusia sangat banyak
dan berbeza-beza pula antara
seorang dengan seorang yang
lain. Sesuatu rancangan yang
diterbitkan radio itu mungkin
memuaskan bagi sekelompok
orang, tapi membosankan
bagi sekumpulan yang lain.

Dari itulah, sekali lagi me-
lalui rancangan Radio Ming-
gu Ini, kami merasa belum
terlambat lagi untuk meng-
hulurkan tangan memohon
kemaafan lahir dan batin
khususnya kepada semua pe-
minat radio atas kemungkinan
ada ketelanjangan dalam per-
tuturan semasa bertugas dan
juga kemungkinan segala ran-
cangan yang disediakan untuk
keluaran istimewa hari raya
itu tidak dapat memenuhi
kehendak pendengarnya. Di
hari yang mulia beginilah
satu-satunya kesempatan bagi
kakitangan-kakitangan radio
untuk memohon maaf di atas
kesalahan yang mungkin tel-
ah dilakukan di luar kesedar-
an mereka.



Metussin Haji Laki



Pg Ahmad



Merali Tuah



Mohd Sapami Abdullah



Abdul Samad



Amedun Mohd Yassin



Norsiah Abd Hamid



Othman Apong



Ak Metussin



Md Jaafar

Pertandingan Akhir Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular 1986

RADIO Televisyen Brunei
akan menganjurkan Peraduan
Mencipta Lagu-Lagu Popular
1986 peringkat akhir yang
akan diadakan pada hari Sab-
tu, 21 Jun, 1986 ini.

Sebanyak 10 buah lagu tel-
ah terpilih bertanding pada
malam itu, yang akan disiarkan
secara langsung melalui

radio dan Televisyen Brunei.

Lagu-lagu yang telah ter-
pilih adalah seperti berikut:

1. Kekasihku ciptaan Me-
tussin Haji Laki.
2. Satu-Satunya Rindu cipta-
an Pg Ahmad Pg Hj Sali-
min.
3. Kaulah Duniaku ciptaan
Merali Tuah.

4. Damaikan Dunia ciptaan
Mohd Sapami Abdullah.
5. Kemesraan ciptaan Abd
Samad Haji Othman.
6. Satu Kenyataan ciptaan
Amedun Mohd Yassin.
7. Biarkan Daku Sendiri
ciptaan Norsiah Abd Hamid.
8. Ditinggal Kekasih cipta-
an Othman Apong.

9. Bunga Ungu Hadir da-
lam Dingin ciptaan Ak Me-
tussin Pg Haji Seruddin.
10. Bakti Petani ciptaan
Md Jaafar Haji Rais.

Peraduan ini adalah ter-
buka kepada orang ramai
bagi menyaksikannya bermula
jam 8.40 malam.

Sandiwara Radio: "TERJEJAS"

DENGAN karyanya yang
berjudul TERJEJAS, se-
kali lagi penulis Sani A.B. di-
berikan peluang untuk meng-
isikan ruangan Sandiwara Ra-
dio Minggu Ini.

Penulis mengemukakan ten-
tang peranan beberapa orang
anak kampung yang giat dan
seder akan betapa pentingnya
kaum belia di kampung me-
reka untuk bersatu padu di
bawah satu persatuan.

Yana, anak kepada Ketua
Kampung adalah seorang
yang berkebolehan dalam
memberikan pimpinan terha-
dap persatuan khusus untuk
kaum wanita di kampung itu.
Tetapi Yana ternyata tidak
boleh bergerak sendiri tanpa
perangsang dan dorongan dari
Mardi, seorang pendatang di
kampung itu.

Mardi juga telah menam-
pakan ketokohnya sebagai
seorang pemimpin apabila ia
berjaya memimpin persatuan
belia di kampung itu dan
mendapat sambutan yang
menggalakkan dari ahli-ahli
persatuan.

Perkara inilah yang menim-
bulkan perasaan iri hati ke-
pada Zamri. Selaku anak jati
di kampung itu, ia inginkan
jawatan menjadi pemimpin
seperti yang diterajukan oleh
Mardi. Dalam pandangannya,
selama Mardi menjadi pemim-
pin, pendapatnya selalu tidak
diindahkan lagi.

Untuk kepuasan hatinya,
Zamri berusaha untuk me-
nyingkirkan Mardi. Akhirnya
apa yang dicita-citakannya itu
pun tercapai setelah Mardi
menarik diri dan meninggal-
kan kampung itu.

Setelah pimpinan persatuan
itu berada dalam genggaman

nya, Zamri mula menunjuk-
kan belangnya. Ia sering
membuat kutipan derma dari
orang-orang kampung dan
memberikan alasan yang se-
mula itu adalah untuk tabung

kebajikan persatuan. Perkara
ini akhirnya sampai ke penge-
tahuan Ketua Kampung sen-
diri.

Bagaimanakah reaksi Zam-
ri setelah rahsianya terbong-

kar? Untuk mengetahuinya,
silalah ikuti siarannya nanti
pada 22 Jun, 1986 jam 11.15
pagi.

Rancangan ini adalah ter-
bitan Jamilah Abdullah.

KURSUS TARI-MENARI ANJURAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

Ketua Hiburan,
Radio Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan.

DENGAN hormat sukacita saya ingin menyertai KURSUS TARI-MENARI anjuran Radio
Televisyen Brunei dan bersetuju menghadiri semua kelas-kelas menari yang akan diadakan itu.

Nama penuh:

Alamat penuh:

No. Kad Pengenalan: Warna:

Tarikh lahir: Umur:

No. Telefon: Tinggi (tanpa kasut)

kaki inci.

laki/perempuan/bujang/kahwin/janda/bekerja/bersekolah/mencari pekerjaan.

Tarikh:

(tanda tangan)

Kebenaran dari Ibu Bapa (jika awda berumur di bawah 21 tahun)

Saya (nama penuh):

No. Kad Pengenalan: Ibu/Bapa/Abang memberikan kebenaran
kepada anak/adik saya menyertai kursus Tari Menari anjuran Radio Televisyen Brunei.

(tanda tangan)

Tarikh tutup menerima borang beserta gambar tidak lewat pada hari Isnin 30 Jun, 1986 jam
4.00 petang.

Mari Memasak:

Ayam Bakar Berkuah Lemak

BAHAN-BAHANNYA:

- 1. Ayam yang sedang
berumur (2½ kati)
- 2. Minyak masak
- 3. Daun serai
- 4. Biji limau purut
- 5. Biji limau nipis

BAHAN GILING:

- 1. Bawang merah
- 2. Bawang putih
- 3. Ketumbar
- 4. Jintan putih
- 5. Kuriyit
- 6. Lempuak
- 7. Lada hijau
- 8. Biji buah keras

semua secukupnya dan
gula sedikit

CARA MEMBUATNYA:

1. Gril ayam sehingga perang
keemasan (masak). Ketepikan.
2. Pijarkan minyak. Masuk-
kan bahan-bahan yang telah
digiling. daun limau purut
dan serai. Goreng sehingga
minyak memecah. Kacau-
kau santan dan garam secuk-
up rasa. Kecilkan api.
3. Biarkan mendidih, kemu-
dian masukkan ayam. Masak,
dikacau sekali-sekali, sehingga
kuahnya pekat dan minyak
memecah.
4. Kacau masukkan air limau
nipis. Tambahkan bahan pe-
rasa secukupnya.

TAMBAHAN:

Boleh dihias dengan buah
tomato, lada merah atau ti-
mun. Ayam kalau suka boleh
juga dibelah dua.



ini awda akan berpeluang berkenalan lebih dekat
dengan penyanyi dari Indonesia CHRISTINE PANJAI-
Tembual Mohd Daud Metarsad bersama penyanyi
pada hari Ahad 22 Jun jam 4.30 petang.

KEBAWAH D.Y.M.M. BERHARI RAYA BERS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia sedang menerima junjung ziarah salah seorang daripada beribu-ribu orang yang mengunjungi Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menerima junjung ziarah daripada rakyat semasa Hari Raya di Istana Nurul Iman.



KELIHATAN orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat sedang menjamu selera ketika mengunjungi Istana Nurul Iman semasa Hari Raya.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat bersembahyang Hari Raya Aidilfitri bersama ribuan rakyat di Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagi Isnin lepas.

Juga berangkat ialah Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Setelah sempurna menunaikan sembahyang Aidilfitri, Baginda kemudian berkenan bercemer duli berangkat berhari raya kediaman rasmi Menteri Pelajaran dan Kesihatan, di 'Rumah Jerambak' dan di kediaman rasmi Menteri Pembangunan, di 'Rumah Semaun' di Jalan Gadong.

Juga berangkat sama ialah Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Keberangkatan tiba Baginda dan kerabat-kerabat Diraja di setiap kunjungan Baginda telah dijunjung oleh menteri-menteri berkenaan dan isteri masing-masing serta keluarga mereka.

Sementara itu, sebagaimana lazimnya, Istana Nurul Iman dibuka bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari mulai Hari Raya kedua bagi memberi kesempatan kepada rakyat dan penduduk negara ini junjung ziarah dan menyebarkan ucapan Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat Diraja.

Pada tahun ini, Istana Nurul Izzah di Jerudong juga dibuka kepada kunjungan orang ramai selama tiga hari mulai Hari Raya kedua.

SEBAGIAN daripada orang ramai mengunjungi majlis Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Seri Begawan Sultan dan Isteri (kanan).

KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Saleha menerima junjung ziarah rakyat semasa Hari Raya di Istana Nurul Iman.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Menteri Kewangan ketika menerima junjung ziarah rakyat semasa Hari Raya (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersembahyang Hari Raya di kediaman Menteri Pembangunan, di 'Rumah Semaun' di Jalan Gadong (bawah kanan).



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika Baginda berangkat berhari raya ke Rumah Jerambak.

RAKYAT



Kerim Hj. Abu Bakar
Gambar oleh:
Abu Bakar Pg. Hj. Othman, Pg. Bahar Pg. Hj. Omar, Pg. Hj. Yaakub Pg. Hj. Hashim
Rashid

RIBUAN rakyat berpusu-pusu menghulurkan tangan untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebaik-baik saja upacara sembahyang Hari Raya selesai.



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat bagi menunaikan sembahyang Hari Raya di Masjid Omar Ali Saifuddin.



KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan sejezus sebelum menunaikan sembahyang Hari Raya.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU

18 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA MAKNANYA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.00 NATIONAL GEOGRAPHIC — EXPLORER
- 5.25 MR. T: 'Fortune Cookie Caper'
- 5.50 MR. BELVEDERE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MR. BELVEDERE — sambungan
- 6.15 TAHUKAH AWDA
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.40 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.50 TAHUKAH AWDA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.17 MACGYVER: 'The Enemy Within'
 - 7.50 AZAN ISYAK
 - 7.54 MACGYVER — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.40 BIMBINGAN ISLAM
 - 8.50 LIPUTAN NASIONAL
 - 9.20 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
 - 10.35 RENCANA TEMPATAN
 - 11.10 MIND YOUR LANGUAGE: 'Everybody's Out'
 - 11.35 ENTERTAINMENT THIS WEEK
 - 12.25 DYNASTY: 'The Titans' Bgh I
- Krystle ditahan di Delta Rho Farm. Keluarga Colby tiba di Denver untuk menghadiri parti undangan Blake dan Jeff ternampak Fallon di antara tetamu yang hadir.
- 1.15 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS

19 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 THE JETSONS: 'Super George'
- 5.50 TURBO TEEN: 'Amazon Adventure'
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TURBO TEEN — sambungan
- 6.15 ALAM PERMAI: 'Bandar Seri Begawan'
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.40 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.50 ALAM PERMAI — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.17 KNIGHT RIDER
 - 7.50 AZAN ISYAK
 - 7.54 KNIGHT RIDER — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.40 BIMBINGAN ISLAM
 - 8.50 HIDAYAT
 - 9.20 DUNIA MINGGU INI
 - 9.50 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
 - 11.05 NORTH AND SOUTH
 - 11.55 HE'S THE MAYOR: 'Take My Father, Please'
- Carl mengatur perjumpaan ayahnya dengan Lila ibu kepada Shirley Henderson presiden satu kumpulan memperjuangkan hak wanita.
- 12.20 TAYANGAN GAMBAR: "Going For Gold"
 - 1.50 SIARAN TAMAT

HARI JUMAAT

20 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan
- 1.00 SMURFS

PETANG

- 1.25 SPORTS
- 2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 2.40 A WHOLE WORLD OF CHILDREN
- 3.05 KONONNYA — Ulangan 'Kura-Kura Dengan Ambok'
- 3.20 VALERIE: 'Executive Material'
- 3.49 AZAN ASAR
- 3.53 HOLLYWOOD OR BUST
- 4.40 RAW ENERGY: 'The Supersalad'
- 5.05 EDISON TWINS: 'Mind And Body'
- 5.30 HEATHCLIFF
- 5.55 WAS ALL THE TRAINING IN VAIN? 'An Athlete's Heart'
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WAS ALL THE TRAINING IN VAIN? — sambungan
- 6.20 MARI BERSAMAKU
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.40 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.50 MARI BERSAMAKU — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.17 FIFTY FIFTY: 'The Stranger'
- Sydney dan Carole mencari pembunuh yang selalu mengganas wanita-wanita yang tinggal di kawasan mewah San Francisco.
- 7.50 AZAN ISYAK
 - 7.54 FIFTY FIFTY — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.40 BIMBINGAN ISLAM
 - 8.50 LIPUTAN NASIONAL
 - 9.20 DRAMA
 - 10.05 THE INSIDERS: 'Another Fine Mess'
- Apabila kawan Mackey, Le Roy ditangkap kerana dituduh membunuh seorang polis, kemudian dia pula didapati mati, Nick dan Mackey mempertarangkan nyawa mereka untuk mencari kenyataan.
- 11.55 DALLAS: 'Close Encounters'
- Satu perjumpaan rodeo keabjikan tajaan keluarga Ewing menghasilkan kejadian-kejadian dramatik kepada ahli-ahli keluarga penaja.
- 12.45 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU

21 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
 - 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
 - 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
 - 4.30 SESAME STREET
 - 5.25 A BIG COUNTRY — The Price
 - 5.50 FAMILY TIES: 'The Old College Try'
- Apabila Mallory memberitahu orang tuanya dia tidak berminat untuk meneruskan persekolahannya mereka percaya dia telah dipengerohi oleh temannya Nick.
- 6.00 BERITA AWAL
 - 6.05 FAMILY TIES — sambungan
 - 6.15 THUNDERCATS: 'Lord of the Snows'

- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.51 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.17 MISFITS OF SCIENCE: 'Grand Elusion'
- Kumpulan Misfits menggunakan sedikit gerakan silap mata untuk membantu seorang gadis untuk berpaling tadah dari kumpulan jimanastik Soviet.
- 7.51 AZAN ISYAK
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 7.55 MISFITS OF SCIENCE — sambungan
 - 8.40 PERADUAN MENCIPTA LAGU POPULAR — PERINGKAT AKHIR (Siaran langsung)
 - 9.10 BIMBINGAN ISLAM
 - 10.20 HIGHLIGHT — WORLD-CUP '86
 - 11.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: 'Roda Roda Gila'
 - 1.05 FALCON CREST: 'Blood Brothers'
 - 1.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD

22 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 MUSICAL: JAMES LAST SHOW EXPRESS
- 12.24 AZAN ZUHUR
- 12.28 MUSICAL — sambungan

PETANG

- 1.10 TAYANGAN GAMBAR: 'Helen of Troy'
- Kisah cinta yang masyor di antara Helen dan Paris yang pernah mengguncangkan dunia pada musimnya kerana mencetuskan Perang Trojan.
- Pelakon-pelakon: Rossana Podesta, Jack Sernas, Sir Cedric Hardwicks, Stanley Baker, dll.
- 3.10 CHALLENGE OF THE GOBOTS: 'Crime Wave'
 - 3.35 SHE-RA PRINCESS OF POWER
 - 3.50 AZAN ASAR
 - 3.54 SHE-RA PRINCESS OF POWER — sambungan
 - 4.00 DRAMA TEMPATAN
 - 'Riak' — ulangan
 - 4.45 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
 - RENCANA TEMPATAN
 - 6.00 BERITA AWAL
 - 6.05 RENCANA TEMPATAN — sambungan
 - 6.15 DIFFERENT STROKES: 'The Honorable Arnold J. Jackson'
- Setelah Arnold di'antik menjadi seorang 'hakim' di sekolahnya dia telah menjejaskan hubungannya dengan seorang penuntut yang menjadi sanjungan sekolahnya.
- 6.35 AZAN MAGHRIB

- 6.41 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.51 DIFFERENT STROKES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SIMON AND SIMON: 'Reunion At Alcatraz'
- 7.51 AZAN ISYAK
- 7.55 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 MARI MEMASAK: 'Ayam Bakar Berkuah Lemak'. Resepinya ada di-muatkan dimuka lain akhbar ini.
- 9.20 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
- 10.35 HIBURAN TEMPATAN
- 11.20 GEORGE BURNS COMEDY WEEK: 'Boris And Ivan'
- 12.10 ENGLISH DRAMA
- 1.00 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN

23 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 7.30 THE PAW PAWS: 'The Wishing Star Crystal'
- 4.55 BETA CHRONICLES: 'Alien Encounters' Bgh I
- 5.45 THE COSBY SHOW: 'Close To Home'
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE COSBY SHOW — sambungan
- 6.15 KUIZ RIA
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.51 KUIZ RIA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 REMINGTON STEELE: 'Cast In Steele'
- 7.51 AZAN ISYAK
- 7.55 REMINGTON STEELE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
- 10.35 BELIA
- 10.55 GIVE US A CLUE
- 11.20 TAYANGAN GAMBAR: 'The FBI Story — Attack On Terror I'
- 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA

24 JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 WIND IN THE WILLOWS
- 4.55 WEBSTER: 'The Triangle'
- 5.20 GALTER AND THE GOLDEN LANCE
- 5.45 MARI MEMASAK: 'Ayam Bakar Berkuah Lemak' (ulangan)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MARI MEMASAK — sambungan
- 6.15 EXPLORING THE WORLD OF SCIENCE: 'Energy From Foot'
- 'Introduction To Life Zones'
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.41 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.51 EXPLORING THE WORLD OF SCIENCE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 STINGRAY
- 7.51 AZAN ISYAK
- 7.55 STINGRAY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 HIGHLIGHT — WORLD CUP '86
- 10.05 REKASENI
- 10.50 WRESTLING
- 11.40 PAPER DOLLS
- 12.30 SIARAN TAMAT.



WALAUPUN Hari Raya baru berlalu, semangat pertalian keluarga sangatlah ketara di musim seperti itu dan seharusnya diamalkan. Untuk itu FAMILY TIES mungkin dapat mengingatkan kita kepada semangat itu. Rancangan ini dapat ditonton setiap hari Sabtu kira-kira jam 5.50 petang.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

Di Unit Perancang Ekonomi Kementerian Kewangan

PERMOHONAN - permohonan adalah dipelawa dari kakitangan-kakitangan kerajaan dan orang-orang awam untuk memenuhi jawatan-jawatan sementara sebagai Pegawai-pegawai Kajian (Penyemadun) dan Penemuduga di Unit Perancang Ekonomi. Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam pada bulan Ogos, 1986.

PELAYAKAN PENYELIA

Pemohon-pemohon mestilah kakitangan-kakitangan kerajaan dalam bahagian III ke atas. Keutamaan adalah akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman

dalam Banci Penduduk, Banci Pertanian, Pengkajian Demografi dan lain-lain pengkajian yang telah dijalankan dahulu.

PENEMUDUGA

Pemohon-pemohon mestilah kakitangan-kakitangan kerajaan dan orang-orang awam yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya lulus Tingkatan/Form III. Keutamaan adalah akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam Banci Penduduk, Banci Pertanian, Pengkajian Demografi dan lain-lain pengkajian yang telah dijalankan dahulu.

TUGAS

a) PENYELIA

Menghadiri latihan selama lebih kurang 3 hari; Memberi latihan kepada penemuduga - penemuduga di peringkat daerah; Mengawas dan memastikan kajian penduduk dilakukan dengan lengkap dan sempurna oleh penemuduga-penemuduga di dalam masa tempoh kajian.

b) PENEMUDUGA

Menghadiri latihan selama lebih kurang 5 hari; Menemuduga penduduk-penduduk di kawasan banci yang diperuntukkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pejabat Kajian.

TEMPOH BERTUGAS

Tempoh masa bagi PENYELIA-PENYELIA Kajian ialah lebih kurang 19 hari bermula dari 28 Julai, 1986 dan bagi PENEMUDUGA-PENEMUDUGA ialah lebih kurang 15 hari bermula dari 1 Ogos, 1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

TAWARAN KECIL

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan tawaran-tawaran yang berkenaan bolehlah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 25 Jun 1986.

Bil. Tawaran	Keterangan
DMS/20/86	Membekal, menghantar dan komisen untuk 1 (satu) unit Hydraulic Stand-In Table.
DMS/21/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit Auto-Reader.
DMS/22/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit TDX System For Antibiotic Assay.
DMS/23/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit Fluorescence Microscope.
DMS/24/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen 2 (dua) unit Analytical Balance.
DMS/25/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 5 (lima) unit Laborlux Binocular Microscope.
DMS/26/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 1 (satu) unit Bilirubin Stat Analyser.
DMS/27/86	Membekal, menghantar memasang dan komisen untuk 6 (enam) unit Terumo Foetal Monitor.
DMS/28/86	Membekal, menghantar dan komisen untuk 11 (sebelas) unit Portable Defibrillators.
DMS/29/86	Membekal dan menghantar 1 (satu) unit Vertical Peritoneal Shunt Set.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ke alamat di atas dan ditulis dengan nama tawaran yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemohon.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Akau, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain keterangan.
6. Cagaran tawaran adalah sebanyak \$100.00.

PEMBAYARAN SAGU HATI

Bayaran-bayaran sugu hati seperti berikut akan dibayar kepada calon-calon yang berjaya:

PENYELIA — \$437.00 bagi tempoh keseluruhannya.

PENEMUDUGA — \$277.50 bagi tempoh keseluruhannya.

Jumlah ini adalah termasuk perbelanjaan kenderaan. Elaun bermalam jika perlu dan munasabah akan dapat dipertimbangkan.

BORANG PERMOHONAN

Borang-borang permohonan bolehlah didapati daripada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam atau daripada Pejabat-Pejabat Daerah dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 30 Jun, 1986 kepada pejabat-pejabat yang tersebut di atas.

Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berminat hendaklah mengembalikan borang-borang permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan masing-masing.

PERINGATAN

Dengan memohon jawatan-jawatan di atas segala permohonan untuk pekerjaan lain tidak akan terganggu atau terhalang. Kakitangan-kakitangan Kerajaan akan dibebaskan dari menjalankan kerja-kerja biasa dengan gaji masih berjalan semasa mereka dikehendaki menjalankan kerja-kerja pengkajian.

Keputusan Penguasa Kajian ke atas permohonan bagi Pegawai-Pegawai Kajian adalah muktamad.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL : PPL/MTB/145/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY OF AERIAL WORKING LIFT

Tarikh tutup : 9 Julai, 1986.

Cagaran : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan perancangan-perancangan dan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL : PPL/MTB/150/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY OF 3M ALUMINIUM ALLOY POLES, LUMINAIRES AND ACCESSORIES.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1986.

Cagaran : B\$200.00.

Dokumen-dokumen dan perancangan-perancangan dan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL : PPL/MTB/151/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY OF COLLAPSIBLE WIRE CAGE PALLETSTAND

Tarikh tutup : 9 Julai, 1986.

Cagaran : \$100.00.

Dokumen-dokumen dan perancangan-perancangan dan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL : PPL/MTB/152/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : SUPPLY OF PLANScape OF FABRIC SCREEN PANEL

Tarikh tutup : 9 Julai, 1986.

Cagaran : \$100.00.

Dokumen-dokumen dan perancangan-perancangan dan lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL : PPL/MTB/153/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pem-

angunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk : TOTALLY INSULATED ENCLOSURE FOR LIGHTING FEEDER PILLARS.

Tarikh tutup : 2 Julai, 1986.

Cengkeram : \$200.00.

Dokumen-dokumen dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL : PPL/MTB/154/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

PROPOSED ADDITIONAL STREET LIGHTING AT JALAN MUARA-JERUDONG BY KAMPONG KAPOK JUNCTION.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/155/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

INSTALLATION OF CABLE DUCT BANKS AT BERAKAS LINK ROAD/COASTAL ROAD.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan

yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/156/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

RE-INFORCEMENT OF 11KV NETWORKS AT KERUODNG PARK AND MINI ISTANA.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF TELEPHONE CABLES.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari 1 September, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong :—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF TELEPHONE CABLES.

yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/157/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

MAINTENANCE WORKS FOR STORES' GADONG, CABLE YARD AND NEW BARRACKS FOR THE PERIOD OF ONE YEAR.

Dokumen-dokumen dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/158/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

RE-INFORCEMENT OF 11KV NETWORKS AT KERUODNG PARK AND MINI ISTANA.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/159/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

RE-INFORCEMENT OF 11KV NETWORKS AT KERUODNG PARK AND MINI ISTANA.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/160/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

RE-INFORCEMENT OF 11KV NETWORKS AT KERUODNG PARK AND MINI ISTANA.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/161/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

RE-INFORCEMENT OF 11KV NETWORKS AT KERUODNG PARK AND MINI ISTANA.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/162/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil (Mini Tender Board) yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap Bangunan Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi kerja-kerja berikut :—

RE-INFORCEMENT OF 11KV NETWORKS AT KERUODNG PARK AND MINI ISTANA.

Dokumen-dokumen tawaran dan perancangan-perancangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

TAWARAN ABDB

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 28 Julai, 1986.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolikiah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dituliskan tajuk tawaran seperti mana yang ditunjukkan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog asal mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolikiah Kem. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran bagi tiap-tiap satu tajuk adalah sebanyak \$300.00.

BIL : PROC/T/157/86

MEMBEKAL : COMPO RATION

BIL : P/RC/76

INSURANCE AIRCRAFT

TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 30 Jun, 1986 bagi membekalkan perkhidmatan stor dan Perbekalan Negara.

TAWARAN NO. 21/86 — SUPPLY OF:

1. Angie Mild Steel. Size: 1" x 1" x 3/4" x 20'
2. Angie Mild Steel. Size: 1 1/2" x 1 1/2" x 3/4" x 20'
3. Angie Mild Steel. Size: 1" x 1" x 3/16" x 20'
4. Angie Mild Steel. Size: 1 1/2" x 1 1/2" x 3/16" x 20'
5. Angie Mild Steel. Size: 1" x 2" x 1" x 20'
6. Angie Mild Steel. Size: 1" x 3" x 1" x 20'

Berikut lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu Lintang Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

MEMBEKAL: TIMBER

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

SEBAGAI PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II

(Bilangan Kod: 068 39 - 142)

(Di Jabatan Muzium-Museum, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D.2 EB.3 - \$650-\$1125 sebulan.

Kelayakan:

a) i) Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kaki-tangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

b) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpanan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.

c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEGAWAI PERPUSTAKAAN

(Bilangan Kod: 062 19 - 105)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)

Tanggagaji: D.3 EB.4-5 - \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

a) Sekurang-kurangnya mendapat 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman dengan kerja-kerja perpustakaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Perpustakaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya mendapat 1 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

c) Pernah menjalani kursus dalam Perpustakaan terutamanya sekali tentang Pengkatalogan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab:

Bertanggungjawab menjaga larian kerja-kerja Perpustakaan seperti Pengelasan, Pengkatalogan, Penginderaan dan kerja-kerja perpustakaan yang lainnya.

3. JURU ELEKTRIK BENGKEL

(Bilangan Kod: 076 85 - 554)

(Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D.3 EB.4 - \$900-\$1465 sebulan.

a) Ordinary National Certificate (ONC) Kejuruteraan Letrik atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan akademik seperti di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menyelenggara, memasang dan membaiki alat-alat yang berkaitan tidak kurang dari 7 tahun yang mana termasuklah perkara-perkara berikut:—

- Sistem memasang kawat elektrik (kenderaan) dan sistem memasang kawat AC.
- Alternator dan starting motor.
- Voltage regulator dan solenoid.
- Alat-alat keselamatan dan relays.

c) Pemeliharaan dan memperbaiki battery.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana

sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1986.

(Bil. Pendaftaran: 70/1986)

(E/305/79)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Rabu 25 Jun, 1986 bagi perkara-perkara berikut:

- JP BIL. 60/1986: MEMBINA STOR RACUN DI KAWASAN PEJABAT PENGEMBANGAN BIRAU, TUTONG.
- JP BIL. 61/1986: MEMBERSIH KAWASAN SELUAS 20 EKAR DI STESEN PERTANIAN SEMABAT, TEMBURONG.
- JP BIL. 62/1986: MEMBINA SEBUAH TANDAS DI KAWASAN PEJABAT PENGEMBANGAN, RAMBAI, TUTONG.
- JP BIL. 63/1986: MEMBEKAL TELOR AYAM 'BROILERS' YANG BOLEH MENETAS (FERTILISED OR HATCHING EGGS).
- JP BIL. 64/1986: MEMBEKAL 'GIORDANO' PLASTICS CRATES.
- JP BIL. 65/1986: MENANAM DAN MEMELIHARA KEKACANG PENUTUP BUMI DI KAWASAN STESEN PERTANIAN TANAH JAMBU.
- JP BIL. 66/1986: MEMBINA PAGAR 'CHAINLINK' DI STESEN PERTANIAN LUMAPAS.
- JP BIL. 67/1986: MEMBEKAL KAMBING JENIS 'ANGLO NUBIAN'.
- JP BIL. 68/1986: MEMBEKAL BIJI JAGUNG MANIS UNTUK TANAMAN.
- JP BIL. 69/1986: MEMBEKAL BIJI SIKUI UNTUK TANAMAN.
- JP BIL. 70/1986: MEMBEKAL K-Y MESH UNTUK PAGAR TERNAKAN.
- JP BIL. 71/1986: MEMBEKAL DEEP FREEZER.
- JP BIL. 72/1986: MEMBEKAL TURUS LADA SULAH.

2. Lembaga Tawaran Kecil hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran Kecil sahaja dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan tajuk tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup tawaran tersebut.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan), Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 036 05 - 192)

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5--\$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan:

- Higher National Diploma dalam bidang Perikanan atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai pengalaman amali (praktikal) dalam:
 - Teknologi peralatan menangkap ikan khususnya dalam rekabentuk membuat dan menguji peralatan menangkap ikan.

ATAU

- Melaksanakan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perluasan dan pengetahuan dalam berbagai sistem Pemeliharaan (Culture System) dan pengurusan khususnya kolam-kolam dan kurungan-kurungan bagi jenis ikan air tawar dan air masin.

c) Mempunyai pengetahuan dalam lain-lain bidang-bidang perikanan merupakan satu kelebihan.

d) Mahir bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

e) Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, claun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jabatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Per-

khidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5,

Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1986.

(E/1851/85)

Bil. Pendaftaran: 61/1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

TAWARAN KECIL

TAWARAN akan diterima oleh Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan tawaran yang berkenaan bolehlah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan tidak lewat dari jam 3.00 petang pada hari Rabu 25 Jun, 1986.

Bil. Tawaran

DMS/19/86

Keterangan

Membekal, menghantar, memasang dan komisen bagi satu set lengkap Ultra Violet Lamp.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ke alamat di atas dan hendaklah ditulis dengan nama tawaran berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemohon.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain keterangan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF RE-ENTERABLE JOINT CLOSURE JOINTING CONNECTION ACCESSORIES AND MISCELLANEOUS ITEMS FOR JELLY FILLED POLYETHYLENE INSULATED AND SHEATHED CABLES FOR INSTALLATION IN JOINTING CHAMBERS AND JOINTING PITS.

CLOSURE JOINTING CONNECTION ACCESSORIES AND MISCELLANEOUS ITEMS FOR JELLY FILLED POLYETHYLENE INSULATED AND SHEATHED CABLES FOR INSTALLATION IN JOINTING CHAMBERS AND JOINTING PITS JTB/STEE/ (P & D) / 2 / 1986.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari 28 Julai, 1986. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong:—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF RE-ENTERABLE JOINT

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN DAERAH TUTONG BIL.: 4/1986

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa menghantar tawaran harga bagi "MEMBINA JALAN KECIL KAMPONG LITAD/LONG TADION."

Tidak lewat pada hari Isnin 30 Jun, 1986 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lewat sampai pada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan:—

TAWARAN MEMBINA JALAN KECIL KAMPONG LITAD/LONG TADION.

3. Semua tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada:—

Pengerusi Lembaga Tawaran, Di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,

4. Wang cagaran tawaran sebanyak \$1,000.00 (satu ribu ringgit) hendaklah dibayar ke Pejabat Daerah, Tutong pada bila-bila masa bekerja tetapi tidak lewat pada 26 Jun, 1986. Wang cagaran itu akan dikembalikan kepada semua pemborong yang tidak berjaya dengan mengembalikan resit asal cagaran itu.

5. Keterangan lengkap dan syarat-peraturan bagi pekerjaan membina jalan itu bolehlah diperolehi di Pejabat Daerah, Tutong pada waktu pejabat dibuka.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau seumpamanya.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)
- (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 199 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD519/4301

KERJA-KERJA MENIMBUS TANAH BAGI CADANGAN BENGKEL JABATAN KERJA RAYA DI KAMPONG SINARUBAI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 200 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AD/ABD024

PEMBINAAN KAWASAN KONKRIT LATIHAN PANGARAGAM BAGI PANGARAGAM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DI PERKHEMAHON BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 201 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL049

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR BAGI DUA (2) BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E', DUA (2) BLOK BARIK DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAWASAN MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL, BATU 5, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 202 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/170

CADANGAN MEMPERBAIKI TEMPAT SALURAN PEMBUANGAN AIR KOTOR BAGI BLOK 2C, 3C, 7C DAN 1E JALAN MALABAU BAHARU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 203 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/IKN001

PEMBINAAN STOR TAMBAHAN BAHAGIAN PERIKANAN LAUT MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 204 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL014

PEMBINAAN STOR BUKU-BUKU TEKS BERHAWA DINGIN DI SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 205 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PTN015

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PEJABAT DAN STOR DI PROJEK PELADANG-PELADANG MUDA LUAHAN, JABATAN PERTANIAN LUAHAN, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 206 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/00900

MEMPERBAIKI TEMPAT SALURAN PEMBUANGAN AIR KOTOR BAGI RUMAH PANGSA SURI SERI BEGAWAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 207 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/GUR003

PEMBINAAN STOR GAS CYLINDER UNTUK PERKHEMAHAN GURKHA, SUNGAI AKAR, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 208 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/00956

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA TERATAK DI MASJID SETIA ALI, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 209 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/MMN001

MENGUBAHSUAI UNTUK MEMBINA KHUTUB KHANAH DI TINGKAT DUA BANGUNAN MAJLIS BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 210 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL061

MEMBEKAL DAN MEMASANG RAWA NYAMOK UNTUK BILIK ASRAMA LELAKI DAN PEREMPUAN DI SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 211 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/13500

PEMBINAAN PEMBENTUNG KOTAK JENIS KONKRIT TUTULANG DI JALAN KIARONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 212 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/26100

MEMPERBAIKI SISTEM PEMBETUNGAN DI MAKTAB SAIN PADUKA SERI BEGAWAN DAN MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL DI JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Julai, 1986.

Tarikh tutup: 7 Julai, 1986.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 213 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL124

BANGSAL KAPAL TERBANG UNTUK MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL DI JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Julai, 1986.

Tarikh tutup: 7 Julai, 1986.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 214 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AD/RAM002

KERJA-KERJA PEMESARAN BENGKEL KENDERAAN BERMOTOR DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 2 Julai, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 215 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/PEL011

MENGUBAHSUAI PENTAS KAYU YANG SEDIA ADA DI DEWAN BESAR SEKOLAH MENENGAH SMJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 2 Julai, 1986.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 216 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700

MEMBEKAL PAM-PAM KEMIKAL BAGI LOJI AIR LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 28 Jun, 1986.

Tarikh tutup: 2 Julai, 1986.

Cagaran tawaran: \$100.00.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENOLONG PELUKIS TINGKAT KHAS

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PELUKIS TINGKAT KHAS, di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod : 05 16 — 133).

Tanggungjawab : C.2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan :

a) College Diploma dalam Art & Design atau kelulusan dan bidang yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pelukis Tingkat I tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Pengalaman yang luas dalam kerja-kerja seni-grafik untuk ilustrasi buku atau majalah.

iii) Dapat menunjukkan folio kerja-kerja yang pernah dibuat sebagai bukti pengalaman.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Merancang dan menyediakan lukisan untuk bahan penerbitan seperti kulit luar, ilustrasi, susun atur isi dalam dan lain-lain.

b) Melukis ilustrasi yang kreatif untuk buku dan lain-lain.

c) Menyelaraskan kerja yang mempunyai hubungan dengan bahagian-bahagian lain yang berkenaan mengenai kerja seni.

d) Bertanggungjawab menjaga mutu hasil kerja yang kreatif supaya mencapai taraf yang dikehendaki.

e) Mempastikan segala arahan kerja mengikut rancangan yang telah diatur.

f) Membantu Ketua Cawangan dalam menyediakan laporan yang dikehendaki.

g) Menerima serta menjalankan arahan dari masa ke masa oleh Ketua Bahagian.

h) Memproses dan membuat 'graphic production' dan memelihara peralatan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dipanggil di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah meng-

hantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan bo-

rang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Julai, 1986. (E/209/75).

(Bilangan Pendaftaran : 69/1986).

Sebagai Pegawai Penjara

PERMOHONAN-pemohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pegawai Penjara di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan-kelayakan :

(a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya dan lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu). Keutamaan yang mempunyai kelulusan yang tinggi dan menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

(b) Berumur di antara 19 dan 26 tahun.

(c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 4 inci.

(d) Dada sekurang-kurangnya 34 inci apabila tidak ditarik nafas.

(e) Tubuh badan yang sihat dan tegap.

(f) Mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Rendah

Penjara adalah merupakan satu kelebihan.

Tanggungjawab :

Dalam sukatan gaji P.6 — \$1105 1150 1195 1240 1285 1330 1375 1420 1465 1510 1555 1600 EB 1645 1705 1765 1825.

ELAUN 'P' sebanyak \$100.00 sebulan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan surat-surat akuan dan siji persekolahan kepada Pengarah Penjara di alamat Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong atau P.O. Box 2256, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 23 Jun, 1986.

Bil : 11/6/25 - 2.

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 7 Julai 1986 bagi membekalkan perkara-perkara berikut untuk kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei :

- Kasut (800 pasang)
Jenis : Kulit
Warna : Hitam
- Songkok : (400 biji)
Warna : Hitam
- Sarung kaki : (800 pasang)
Warna : Navy blue

2. Penerangan-penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei Darussalam.

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1. Penentuan-penentuan (specification) mengenai buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam, pada masa-masa bekerja.

Tawaran hendaklah dima-

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan diatas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan :

'SULIT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KASUT, SONGKOK DAN SARUNG KAKI BAGI KAKITANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

tanpa membubuh sebarang nama pengirim.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP

sukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurusan surat hendaklah dibubuh perkataan : TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL. (2)/1986.

3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMOTONG FILEM : (Bilangan Kod : 009 92 — 765).

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggungjawab : E.2-3 EB.4 — \$590-\$875 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan :

a) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Setiausaha Tetap :

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan
Bangunan Jabatan Pelajaran,
Tingkat Tiga,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu. (Seperti tarikh yang ditetapkan).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :—

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan
Tingkat Tiga,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

Selasa-Khamis 8.00 pagi — 11.00 pagi
2.00 petang — 3.00 petang
Isnin dan Sabtu 8.00 pagi — 10.00 pagi

5. Cagaran tawaran ada'ah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bil.	Tawaran	Keterangan	Cagaran	Tarikh Tutup
JP/61/86	Membekal "Oscar and Trophy"		\$100	25 Jun
JP/62/86	Membekal "Ball Point and Fountain Pen"		\$100	25 Jun

Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau di- kirim kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran
d/a Bangunan Kement-
erian Kewangan
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja memotong dan menyunting filem merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Bertanggungjawab bagi menyunting dan memotong filem seperti yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Penapis dan untuk menemukan potongan-potongan ini sebelum filem itu didedahkan ke perkhidmatan televisyen selanjutnya yang akan menyanyangkannya. (Ini merupakan pekerjaan yang bertanggungjawab dan halus oleh kerana RTB akan mengalami kesulitan yang agak berat jika potongan-potongan yang tepat yang dipohonkan tidak dibuat).

2. PENJAGA JENTERA TAPISAN AIR KOLAM RENANG :

(Bilangan Kod : 098 96 — 953).

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggungjawab : E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

a) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai pengetahuan dalam kerja Jentera Tapisan Air dan pandai berenang atau memegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Bertanggungjawab untuk mengawasi setiap perjalanan jentera-jentera tapisan dan juga menjalankan pemeriksaan air.

3. ATENDAN CLOAKROOM :

(Bilangan Kod : 098 59 — 991).

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggungjawab : E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan secara bergaji hari sekurang-kurangnya 3 tahun juga akan dipertimbangkan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dipanggil di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 12 Julai, 1986 (E/469/82)

(Bilangan Pendaftaran : 65/1986).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima junjung ziarah penduduk Mukim Muara dan Sengkurong di Istana Nurul Izzah pada hari Jumaat lepas.

Penduduk Mukim Muara dan Sengkurong junjung ziarah

JERUDONG. — Penduduk-penduduk dari dua mukim di daerah Brunei-Muara telah berpeluang menjunjung ziarah untuk mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam di Istana Nurul Izzah di Jerudong pada hari Jumaat lepas.

Lebih dari 3,600 orang dari Mukim Sengkurong dan Mukim Muara telah menjun-

jung ziarah dalam peluang yang diberikan khas untuk kedua mukim tersebut dari jam 3.30 petang di Hari Raya kelima.

Terdahulu dari itu ribuan rakyat telah mengunjungi Istana tersebut sejak ianya dibuka selama tiga hari mulai Hari Raya kedua.

Perlawanan badminton ASEAN rebut Piala Kebawah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan kejohanan Badminton Jemputan antara Negara-Negara ASEAN pada 25-30 Jun depan di Pusat Belia di sini.

Kejohanan yang akan menggunakan format Piala Thomas itu merupakan julung-julung kali diadakan bagi merebut kurnia Piala Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dikelolakan bersama oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Persatuan Badminton Brunei.

Menurut jurucakap penganjur Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Singapura kecuali Filipina telah pun mensahkan penyerahan mereka untuk menyertai kejohanan ini.



PENGARAH Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien menyerahkan Bendera Kebangsaan kepada Ketua Rombongan Pengiran Haji Tuah bin Pengiran Haji Daud. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Lawatan Menteri Pelajaran ke Republik Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz Umar, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam, kini berada di Jakarta, Indonesia bagi satu lawatan rasmi tiga hari ke republik itu atas jemputan Pusat Projek Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO).

Selaku Pengerusi Majlis Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEC) (President SEAMEC), YDM Pehin akan mengadakan lawatan ke Pusat-Pusat Projek SEAMEO dan seterusnya menyempurnakan majlis-majlis penyampaian sijil di republik tersebut.

Yang Dimuliakan Pehin juga mengadakan lawatan ke Projek Arkeologi Seni Halus SEAMEO (SPAFA); Projek Kesihatan Awam dan Perubatan Tropika (Tropmed) dan Pusat Serantau SEAMEO bagi Biologi Tropika (BIOTROP).

Semasa berada di republik

Derma darah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Orang-Orang Thailand di Negara Brunei Darussalam mendermakan sebanyak 37 pain darah kepada Tabung Darah Negara pada minggu lalu.

Sejak bulan Januari tahun ini, tabung tersebut telah berjaya mengutip sebanyak 1,206 pain darah.

'JANGAN BERI ASPIRIN KEPADA KANAK-KANAK'

BANDAR SERI BEGAWAN.

Berikutan dengan berita baru-baru ini disiarkan oleh akhbar-akhbar Straits Times, New Straits Times dan Berita Harian mengenai dengan sejenis ubat kanak-kanak bernama Aspirin yang mana telah disyaki boleh menyebabkan sejenis penyakit bernama Reye's Syndrome, iaitu satu penyakit yang boleh menyebabkan kerosakan bahagian otak dan hati, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan ingin menarik perhatian orang ramai bahawa penggunaan ubat ini secara routine dalam rawatan pesakit kanak-kanak di rumah-rumah sakit kerajaan telah dihentikan sejak hampir dua tahun dahulu dan ianya ketika ini hanya digunakan secara terhad bagi rawatan-rawatan khas kanak-kanak yang mengidap penyakit tertentu seperti Rheumatic Fever yang memerlukan rawatan dengan Aspirin dan akan menyebabkan serangan penyakit jantung yang merbahaya jika tidak dirawat.

Walaupun belum ada bukti jelas tentang adanya kaitan antara penyakit Reye's Syndrome dengan penggunaan Aspirin, para ibu bapa adalah dinasihatkan supaya tidak akan menggunakan ubat ini

untuk anak-anak mereka tanpa nasihat daripada para doktor.

Sehubungan dengan perkara ini, semua penjual-penjual ubat di negara ini adalah digesa supaya menghentikan penjualan ubat Junior Aspirin dan ubat kanak-kanak yang mengandungi Aspirin (atau Acetylsalicylic Acid) sebagai salah satu bahannya.

Para doktor di pihak swasta adalah juga dinasihatkan supaya berhati-hati dalam penggunaan Aspirin atau ubat-ubat yang mengandungi Aspirin dalam rawatan-rawatan routine seperti

demam panas dan batuk selesema bagi kanak-kanak kecuali dalam indikasi-indikasi yang tertentu sahaja.

Orang ramai yang meragu-ragu tentang perkara ini bolehlah berhubung dengan para doktor dan pegawai-pegawai di Gudang Ubat rumah-rumah sakit untuk nasihat dan penerangan lanjut.

Pihak Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan akan memberikan maklumat lanjut dalam perkara ini jika ianya menerima penerangan lanjut serta pengesahan di masa akan datang.

D.P.P.W. hantar ucapan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sir Geoffrey Howe, Setiausaha Luar dan Hal Ehwal Komanwel sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang jatuh pada 12 Jun 1986 dan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Salvador D. Laurel, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Filipina sempena Hari Kemerdekaan

republik tersebut yang juga jatuh pada 12 Jun 1986.

Duli Yang Teramat Mulia dalam perutusan tahniah kepada Sir Geoffrey Howe telah melahirkan harapan agar hubungan persahabatan di antara Brunei Darussalam dengan United Kingdom akan berterusan dan dipererat lagi di tahun-tahun yang akan datang.

Sementara dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Salvador D. Laurel, Duli Yang Teramat Mulia berharap agar Brunei Darussalam dan Republik Filipina akan sentiasa bekerjasama dalam konteks ASEAN dan sebagai negara yang berjiwa bagi memelihara kestabilan dan keamanan di rantau ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra dengan Duta Besar Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Benjamin Domingo sambil diperhatikan oleh salah seorang pegawai kanan kedutaan Filipina. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Kedutaan Republik Filipina sambut Hari Kebangsaan

BERAKAS. — Kedutaan Filipina di negara ini telah mengadakan jamuan makan malam sempena Ulang Tahun ke-88 Hari Kebangsaan negara itu pada malam Jumaat, 12 Jun lepas di Bilik Orang-Orang Kenamaan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis itu telah diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed

Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Majlis itu juga dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian, pegawai-pegawai kanan kerajaan, para diplomat asing ke negara ini dan para jemputan khas.